



بروناي دارالسلام سنترال بانك

BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

SIARAN AKHBAR

KENYATAAN DASAR BDCB 1/2021

1. Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] hari ini telah mengeluarkan Kenyataan Dasar BDCB.
2. Di dalam Kenyataan Dasar 1/2021 tersebut, BDCB menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi global dijangka akan meningkat sebanyak 6.0% pada tahun 2021. Sementara itu, ekonomi domestik telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.4% tahun-ke-tahun pada suku pertama 2021. BDCB meramal kadar inflasi domestik akan berada dalam lingkungan 1% ke 2% bagi tahun 2021.
3. BDCB juga memaklumkan bahawa risiko keseluruhan bagi sektor perbankan pada suku pertama 2021 kekal pada tahap yang sama dengan suku keempat 2020. Sebagai salah satu langkah untuk mengawal risiko sistemik sektor kewangan, BDCB telah mengenalpasti *Domestic Systemically Important Bank(s) [DSIB]* bagi tempoh Jun hingga Disember 2021.
4. BDCB juga memaklumkan bahawa industri perbankan telah mengekalkan tahap modal yang kukuh dan berdaya tahan dengan agregat *Capital Adequacy Ratio* sebanyak 21.4%. Walaubagaimanapun, dengan peningkatan ketidakpastian berikutnya dengan penularan wabak COVID-19 dan kadar faedah/keuntungan global yang masih rendah, pulangan keuntungan bagi industri perbankan telah menurun sedikit.
5. BDCB juga telah melanjutkan tempoh bantuan kepada pelanggan perbankan, iaitu peniaga-peniaga dan individu-individu yang terkesan akibat wabak COVID-19 dan peniadaan yuran dan caj (kecuali caj pihak ketiga) bagi sebarang pemindahan wang dari 1 April 2021 sehingga 30 September 2021. Berikutan gelombang kedua jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bermula Ogos 2021, tempoh bantuan tersebut adalah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.
6. Bagi mempromosikan ketelusan dan disiplin pasaran, BDCB telah mengemaskinikan keperluan pendedahan awam yang sedia ada dengan mengeluarkan Notis Peraturan mengenai *Pillar 3 – Public Disclosure Requirements*. Sementara itu, bagi memastikan kawalan dan pengurusan konflik kepentingan yang efektif dalam penerbitan dan pengagihan laporan penyelidikan kepada pihak pelabur mengenai sekuriti-sekuriti atau penerbit-penerbit sekuriti, samada secara elektronik, percetakan atau mana-mana bentuk, satu garispanduan telah dikeluarkan, iaitu *Guideline on Handling Conflict of Interest upon Promoting Research Reports*.
7. Selain itu, sebagai langkah berterusan BDCB untuk mengukuhkan perlindungan pengguna kewangan dengan perkembangan semasa produk dan perkhidmatan



kewangan, BDCB telah mengeluarkan dua Notis yang telah dikemaskinikan iaitu *Notice on Market Conduct* dan *Notice on Establishment of a Complaints Handling Function within Financial Institutions*.

8. Kenyataan Dasar BDCB 1/2021 yang lengkap boleh didapati di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB di talian 2388388, atau melalui emel di info@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Ref: BDCB/COMMS/3

Date: 26 Muharram 1443H/ 4 September 2021